

**TEKS UCAPAN PENUTUP**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENUTUP BENGKEL PERNIAGAAN**  
**BERIMPAK TINGGI ANGKASA 2026-2030**  
**SEKTOR PERUNCITAN**

**15 APRIL 2026 (RABU)**

**12.30 TENGAH HARI**

**HOTEL CRYSTAL CROWN, PETALING JAYA**  
**SELANGOR**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani  
dan Salam Koperasi.

***Salutasi***

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita semua telah berjaya menyempurnakan **BENGGEL BERIMPAK TINGGI ANGKASA 2026-2030 SEKTOR PERUNCITAN** sepanjang dua hari ini dengan jayanya.

2. Sepanjang tempoh tersebut saya percaya setiap peserta telah berdiskusi secara mendalam, bertukar pandangan secara terbuka dalam menilai semula peranan ANGKASA dan kedudukan sektor peruncitan koperasi dalam landskap ekonomi negara.

**Hadirin yang dikasihi,**

3. Bengkel ini merupakan satu usaha strategik untuk merangka hala tuju dan masa hadapan sektor peruncitan koperasi negara menjelang tahun 2030. Jika kita melihat kepada kedudukan sektor perdagangan

borong dan runcit dalam ekonomi negara, jelas bahawa sektor ini merupakan antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

4. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, sektor ini menunjukkan pertumbuhan yang konsisten di mana daripada sekitar RM240 bilion pada tahun 2021, ianya terus meningkat kepada RM275 bilion pada tahun 2022, seterusnya hampir RM300 bilion pada tahun 2023, sekitar RM320 bilion pada tahun 2024, dan dianggarkan menghampiri RM340 bilion pada tahun 2025.
5. Ini membuktikan bahawa sektor peruncitan merupakan salah satu enjin pertumbuhan utama ekonomi negara. Namun, persoalan penting yang perlu kita renungkan ialah di manakah kedudukan gerakan koperasi dalam ekosistem ekonomi yang bernilai ratusan bilion ringgit ini?

6. Realitinya, walaupun koperasi mempunyai rangkaian kedai yang luas di seluruh negara, skala ekonomi peruncitan koperasi masih belum mencapai tahap yang membolehkan kita bersaing secara signifikan dengan pemain industri utama.

### **Hadirin yang dikasihi,**

7. Isu kos sara hidup terus menjadi cabaran utama rakyat Malaysia pada hari ini. Kenaikan harga barangan, tekanan rantaian bekalan global serta peningkatan kos logistik memberi kesan langsung kepada kesejahteraan isi rumah. Di sinilah sebenarnya terletaknya peranan strategik sektor peruncitan koperasi.
8. Dengan rangkaian koperasi yang wujud di hampir setiap komuniti seperti contoh di sekolah, universiti, institusi kerajaan, kawasan perumahan dan juga luar bandar, koperasi mempunyai

kelebihan unik untuk menjadi saluran pengedaran barangan keperluan asas yang lebih dekat dengan rakyat. Jika digerakkan secara tersusun dan strategik, koperasi mampu berperanan sebagai mekanisme penstabil harga dan pengimbang pasaran.

9. Sebagai badan puncak, ANGKASA sedang mempergiatkan penyertaan koperasi dalam pelbagai inisiatif nasional seperti Program BA100, Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta Inisiatif MyRahmah.

10. Melalui penyertaan ini, koperasi bukan sahaja dapat memperluaskan aktiviti peruncitan mereka, malah berperanan sebagai saluran pengedaran produk tempatan, penyedia barangan keperluan asas serta penyokong kepada agenda kesejahteraan rakyat.

**Hadirin yang dikasihi,**

11. Dalam konteks ini, ANGKASA memikul tanggungjawab yang besar sebagai arkitek dan penyelarass ekosistem peruncitan koperasi negara. ANGKASA perlu menyatukan rangkaian kedai koperasi, membangunkan sistem perolehan nasional, memperkukuh pusat pengedaran serta mempercepatkan proses pendigitalan sektor peruncitan koperasi. Pendekatan ini amat penting bagi memastikan sektor peruncitan koperasi dapat berkembang sebagai sektor berimpak tinggi dan berdaya saing.

12. Saya difahamkan sepanjang bengkel ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan daripada mengenal pasti cabaran utama sektor peruncitan koperasi, memahami trend masa hadapan industri, sehinggalah merangka strategi transformasi dan pembangunan roadmap sehingga tahun 2030.

13. Kesemua ini juga diujarkan dengan sasaran strategik model perolehan 60:40 ANGKASA. Namun demikian, saya ingin menegaskan bahawa kejayaan sebenar bengkel ini tidak terletak pada laporan atau dokumen yang dihasilkan. Kejayaan sebenar bergantung kepada sejauh mana kita mampu menterjemahkan segala idea dan strategi ini kepada tindakan yang nyata.

14. Oleh itu, saya berharap agar hasil bengkel ini dapat diterjemahkan kepada pelan tindakan yang jelas, program pelaksanaan yang konkrit serta mekanisme pemantauan yang berkesan.

### **Hadirin sekalian**

15. Jika kita berjaya menyatukan kekuatan rangkaian koperasi secara strategik, kita mampu membina satu model peruncitan koperasi yang lebih moden, lebih kompetitif dan lebih

berdaya saing di peringkat nasional. Lebih penting model ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada koperasi tetapi juga kepada rakyat melalui pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan.

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta bengkel, pakar industri serta pihak penganjur atas komitmen dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang program ini.
17. Semoga pendekatan perbincangan yang dilaksanakan telah membuka ruang kepada satu perspektif baharu dalam melihat pembangunan sektor peruncitan koperasi secara menyeluruh dan strategik.
18. Akhir kata, Saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Bengkel Berimpak Tinggi – Sektor

Peruncitan ANGKASA ini. Semoga segala dapatan, idea dan strategi yang telah dirumuskan menjadi asas kepada transformasi sektor peruncitan koperasi negara menjelang tahun 2030.

19. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Penutup BENGKEL BERIMPAK TINGGI ANGKASA 2026-2030 SEKTOR PERUNCITAN**

Sekian,

Wabillahi                      Taufiq

Wassalamualaikum

Wabarakatuh.

Walhidayah,

Warahmatullahi